



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

RABU, 10 OGOS 2022	
1.	Projek mega Rm60j ternakan ayam Felcra
2.	Nafas sasar bekal 144 juta ekor ayam setahun
3.	Jana pendapatan ternak kambing
4.	Felcra project to produce 3.6 million chickens a year
5.	Fowl-proof evidence
6.	NAFAS bakal terajui industri ayam
7.	11 lelaki mengaku tidak bersalah sabung ayam
8.	Ternak kambing boer tambah wang saku keluarga
9.	Singapura bukan pilih kasih
10.	Projek lembu tenusu di Perlis tingkat SSL Negara -Melanismae tak bolak-balik
11.	FELCRA laksana projek mega ternak ayam Rm60j -industri tenusu sedia 2000 peluang kerja

DISEDIAKAN OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

Bakal bekal 3.6 juta ekor dalam tempoh setahun

Projek mega RM60j ternakan ayam Felcra

Oleh **ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN**

•ROMPIN – Dalam usaha membantu kerajaan menangani krisis bekalan ayam, Kementerian Pembangunan Luar Bandar melalui Felcra Berhad bertindak proaktif melaksanakan projek mega ternakan ayam pedaging bernilai RM60 juta.

Menterinya, Datuk Seri Mahdzir Khalid berkata, projek ternakan tertutup yang dilaksanakan di Kampung Tanjung Seratus, di sini itu disasarkan mampu mengeluarkan kira-kira 3.6 juta ekor ayam setahun.

"Ketika ini keperluan ayam dalam negara adalah berjumlah 2.09 juta ekor sehari atau 62.9 juta ekor ayam sebulan berbanding pengeluaran semasa ayam

sebanyak 1.6 juta ekor sehari iaitu kekurangan kira-kira 409,000 ekor ayam.

"Jadi kita mulakan (penternakan ayam) bagi membantu kerajaan menampung bekalan ayam negara yang mana kita mulakan di Rompin sebelum diperluaskan di tempat-tempat lain," katanya selepas program lawatan dan taklimat kemajuan pembinaan Kompleks Ternakan Ayam Pedaging Felcra Berhad di Kampung Tanjung Seratus, di sini semalam.

Menurutnya, projek tersebut adalah sebahagian daripada Pelan Transformasi Felcra 2.0 untuk mempelbagaikan bidang perniagaan dan tidak hanya bergantung kepada sektor perladangan kelapa sawit semata-mata.

Ujar beliau, projek ternakan

ayam julung kali dilaksanakan Felcra itu akan melibatkan penternakan secara sistem tertutup di tanah seluas 20 hektar di kawasan Kampung Tanjung Seratus.

Katanya, projek berkenaan yang akan turut menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk setempat dijangka mula beroperasi pada Disember tahun ini sebelum ayam boleh dijual dalam tempoh 35 hari.

"Pelaksanaan projek mega ternakan ayam ini akan memberikan kesan penjanaan ekonomi setempat melalui aktiviti perkhidmatan dan penyelenggaraan, kerja-kerja landskap, pembekalan, kontrak pembinaan dan pelbagai aktiviti-aktiviti lain dengan nilai hampir RM1 juta setahun," katanya.



MAHDZIR (dua dari kiri) mendengar taklimat mengenai projek pembinaan Kompleks Ternakan Ayam Pedaging Felcra Berhad di Kampung Tanjung Seratus, Rompin semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10.08.2022	KOSMO	NEGARA	5

Nafas sasar bekal 144 juta ekor ayam setahun

SERDANG – Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) menyasarkan untuk membekal 144 juta ekor ayam setahun bagi pasaran negara dalam tempoh tujuh atau lapan tahun akan datang.

Pengurus Kanan Kumpulan Pembangunan Perniagaan Nafas, Aminuddin Salleh berkata, sasaran itu sekali gus memenuhi kira-kira 20 peratus pasaran bagi bekalan ayam negara ini.

Menurutnya, sebagai entiti berkaitan kerajaan, Nafas mengambil langkah tersebut dalam usaha membantu kerajaan menyediakan bekalan ayam kepada pengguna.

"Sasaran ini melibatkan tiga fasa dan pada masa ini, kita masih peringkat fasa pertama. Ia memang ambil masa sedikit, memerlukan modal yang banyak selain agak 'berat' sebenarnya namun kita kena buat.

"Ayam merupakan sumber protein utama dan langkah yang diambil Nafas ini bagi me-

astikan bekalan ayam tempatan terjamin," katanya ketika ditemui pada Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2022.

Dalam pada itu, ujarnya, rangkaian bekalan ayam di negara ini meliputi anak ayam, makanan untuk ternakan ayam, reban, pusat penyembelihan seterusnya ke pasaran negara.

"Justeru, usaha ini akan dilaksanakan secara kerjasama antara Nafas, Pertubuhan Peladang Negeri, Pertubuhan Peladang Kawasan serta ahli-ahli di seluruh negara sekali gus semua rangkaian terlibat.

"Selain itu, kita juga akan mengenal pasti beberapa reban ayam termasuk mengambil alih ladang yang terbengkalai untuk diperbaharui," ujarnya.

Mengulas lanjut, Aminuddin berkata, pada masa ini, Nafas mempunyai kekuatan dari segi fasiliti dan kemudahan dalam usaha memenuhi sasaran 144 juta ekor setahun itu.



AMINUDDIN menunjukkan dua ekor anak ayam berwarna merah jambu yang dipamerkan sempena MAHA 2022 di MAEPS, Serdang semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10.08.2022	KOSMO	NEGARA	18



ZAMZIRIN menunjukkan sijil penyertaan goat show ketika ditemui di Kampung Puteri Menangis, Ayer Baloi di Pontian baru-baru ini.

Jana pendapatan ternak kambing

PONTIAN – Seorang jurulatih bola sepak komuniti memilih menternak kambing baka boer import dan tempatan sebagai pendapatan sampingan hingga boleh mendatangkan pulangan sehingga RM10,000 seekor.

Zamzirin Yusof, 38, dari Taman Bukit Indah, Johor Bahru berkata, dia meminati bidang itu kerana penternak kambing baka berkenaan masih kurang di daerah ini.

Katanya, kambing boleh memberikan pulangan baik jika diurus dengan betul.

"Baka boer import dari Afrika boleh mencecah RM10,000 apabila mencecah usia tiga tahun. Saya mula menternak pada awal 2021 dengan modal RM48,000 untuk membeli lima ekor kambing boer dan cross boer serta membuka ladang.

"Sebanyak empat guni dedak digunakan untuk makanan kambing selain kacang soya, pelepah kelapa sawit dan silaj jagung," katanya ketika ditemui

di Kampung Puteri Menangis, Ayer Baloi di sini baru-baru ini.

Menurut Zamzirin, dia kini mempunyai tujuh ekor kambing boer import bersama tiga anak selain 19 ekor cross boer jantan dan betina.

Tambahnya, tiga ekor baka boer miliknya digelar Mek Siti, Janggut dan Wak Jawa telah memenangi kedudukan keempat dan 10 terbaik dalam pertandingan Sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan di Pantai Irama Bachok, Kelantan baru-baru ini.

"Mek Siti tidak dapat dibawa pulang kerana sedang bunting manakala Janggut serta Wak Jawa pula gemar mandi dan giginya digosok berbanding kambing lain," katanya.

Zamzirin memberitahu, dia bercadang untuk membawa masuk sepasang kambing boer Kalahari pada Oktober depan bagi tujuan pembiakan selain mempelbagai jenis ternakannya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10.08.2022	THE STAR	NATION	8

Felcra project to produce 3.6 million chickens a year

ROMPIN: A large-scale closed-system poultry farming project involving an allocation of about RM60mil in Kampung Tanjung Seratus here will be operational in December, says Rural Development Minister Datuk Seri Mahdzir Khalid.

The project undertaken by Felcra Bhd on an area of about 20ha is capable of supplying 600,000 chick-

ens in a 35-day cycle, or 3.6 million chickens in its first year of operation.

Currently, the country needs more than two million chickens per day, or about 62.9 million per month.

This initiative, Mahdzir said, could help the country maintain its food supply while also being able to

boost the economy by creating job opportunities for local residents, Bernama reported.

"Felcra has engaged experts with the technology for this project.

"In addition, Felcra will also establish areas or sites in other states to increase the country's chicken supply," he added.

The project is part of a plan to

diversify Felcra's business and not rely only on the oil palm plantation sector.

In addition to chicken coops, there are proposals for other facilities to be built on the project site, including quarters for workers and management staff, machinery stores, administrative offices and laboratories.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10.08.2022	THE STAR	NATION	10



Fowl-proof evidence

Veterinary Services Department officers wheeling a cage containing roosters that were used in illegal cockfighting activities in Chendering, Terengganu. Eleven men have pleaded not guilty in the Kuala Terengganu Sessions Court to charges of involvement in cockfighting which took place in June. — Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10.08.2022	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	5

NAFAS bakal terajui industri ayam

SERDANG: Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) bakal menjadi antara peneraju industri ayam daging negara dengan menyasarkan pengeluaran sehingga 144 juta ekor setahun dalam tempoh tujuh hingga lapan tahun akan datang.

Pengurus Kanan Kumpulan Pembangunan Perniagaan NAFAS, Aminuddin Salleh berkata, sasaran itu dijangka dapat memenuhi kira-kira 20 peratus permintaan pasaran sumber protein tersebut.

"Sebagai entiti berkaitan kerajaan, NAFAS terpanggil untuk terlibat dalam industri ini bagi membantu memastikan sumber bekalan protein lebih terjamin.

"Jadi NAFAS sedang memastikan kita terlibat dalam keseluruhan rantaian bekalan bermula daripada anak ayam, makanan, reban sehingga ke pusat penyembelihan," katanya ketika ditemui di Pavilion NAFAS sempena Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2022 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS) semalam.

Aminuddin berkata, usaha berkenaan dijalankan secara kerjasama dengan Pertubuhan Peladang Negeri (PPN), Per-



AMINUDDIN Salleh menunjukkan anak ayam yang dipamer di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS), semalam..

tubuhan Peladang Kawasan (PPK) serta ahli-ahli peladang di seluruh negara.

Dalam masa sama, beliau yakin NAFAS dapat memenuhi sasaran pengeluaran tersebut berdasarkan fasiliti dan kemudahan yang dimiliki.

Jelasnya, pemprosesan makanan ternakan dijalankan di NAFAS Feedmills Sdn Bhd manakala ladang baka ayam (Medan Juara Sdn Bhd) ma-

sing-masing terletak di Muar dan Kota Tinggi, Johor.

"Kita turut mempunyai pusat penyembelihan iaitu NAFAS Food Processing & Marketing Sdn. Bhd. di Sungai Bakap, Pulau Pinang.

"Selain itu, kita juga sedang mengenal pasti beberapa lokasi reban ayam termasuk mengambil alih ladang yang terbengkalai untuk diperbaharui," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10.08.2022	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	10

11 lelaki mengaku tidak bersalah sabung ayam

KUALA TERENGGANU: Seramai 11 lelaki mengaku tidak bersalah selepas didakwa di Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu di sini semalam atas pertuduhan terlibat dengan kegiatan sabung ayam, Jun lalu.

Mereka mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Noorah Osman.

Tertuduh ialah Md. Asyraf Zuhairy Md. Zainudin, 37; Mohammad Fakro Riduan Sidek, 26; Muhammad Amir Asyraf Zakaria, 27; Muhamad Hazimin

Hasbollah, 27; Syed Safanizam Syed Yahya, 33, dan Mohd. Noorsyaiful Zaidi Sulong, 32.

Kesemua mereka termasuk Mohd. Kamal Gani, 30; Mohd. Afiq Che Awang, 36; Mohd. Faizal Jusoh, 40; Mohammad Hakim Iskandar Zaidi, 24, dan Wan Muhammad Shafiq Wan Ibrahim, 23.

Mengikut pertuduhan, kesemua mereka hadir ke satu pelagaan ayam di sebuah reban ayam di Kampung Pengkalan Rajawali, Chendering di sini, tanpa kuasa yang sah atau sebab yang munasabah.



DUA ekor ayam jantan dibawa ke mahkamah untuk dijadikan barang kes terhadap 11 lelaki yang dituduh terlibat dalam aktiviti sabung ayam di Chendering, Kuala Terengganu, semalam. - UTUSAN/ TENGKU DANISH BAHRI TENGKU YUSOFF

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10.08.2022	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	29

Ternak kambing boer tambah wang saku keluarga

PONTIAN: Walaupun mempunyai pendapatan tetap, ia bukan penghalang bagi Zamzirin Yusof, 38, mengusahakan ternakan kambing bagi menjana ekonomi sampingan keluarga.

Malah, jurulatih bola sepak bagi pasukan komuniti Taman Bukit Indah, Johor Bahru itu menyifatkan ternakan kambing boleh memberikan pulangan yang baik jika diurus dengan betul.

Dia memilih menternak kambing baka boer import dan cross boer (tempatan) bagi tujuan pembiakan kambing jenis tersebut yang masih kurang disertai golongan penternak di daerah Pontian.

Menurutnya, baka kambing

boer import yang berasal dari Afrika sentiasa mendapat permintaan tinggi sehingga mampu mencecah RM10,000 bagi kambing yang berusia tiga tahun.

"Saya memulakan penternakan ini pada awal 2021 dengan pembelian kambing boer dan cross boer dengan kos RM45,000 selain pembinaan kandang di atas tanah keluarga sebanyak RM13,000.

"Ja melibatkan pembelian lima ekor betina boer dengan kos RM30,000 dan RM15,000 bagi dua ekor jantan bagi tujuan pembiakan," katanya ketika ditemui Utusan Malaysia di Kampung Puteri Menangis, Ayer Baloi, di sini, baru-baru ini.

Zamzirin berkata, sebanyak empat guni dedak digunakan sebagai makanan utama kambing-kambing peliharaannya selain makanan tambahan seperti kacang soya, pelepah kelapa sawit dan silaj jagung setiap bulan.

"Walaupun dedak mengalami kenaikan harga, saya akan memastikan kambing-kambing mendapat makanan yang mencukupi di samping bahan-bahan yang lain," ujarnya.

Setakat ini dia mempunyai tujuh ekor kambing boer import dan tiga ekor anak yang baru dilahirkan selain 19 ekor cross boer jantan dan betina yang ditempatkan dalam sebuah kandang.



ZAMZIRIN YUSOF bersama kambing yang dipanggil Janggut di kandangnya di Kampung Puteri Menangis, Ayer Baloi, Pontian.

Indonesia mampu bersaing sekiranya mengeksport bekalan ayam hidup ke republik itu

Singapura bukan pilih kasih

SINGAPURA: Kerajaan Singapura hanya mahu memastikan bekalan ayam di negara ini sentiasa mencukupi dan bukan bersikap memilih negara tertentu menjadi pengeksport bahan mentah itu.

Keputusan Malaysia mengehadkan eksport ayam ke pasaran luar negara bagi menjamin keperluan tempatan dilihat mengganggu rantaian bekalan makanan di negara jiran.

Bagaimanapun, langkah itu mewujudkan peluang kepada negara lain termasuk Indonesia untuk bersaing dalam pasaran eksport ayam yang kompetitif.

Bagi mengisi jurang itu, Singapura meningkatkan import daging ayam dari Thailand dan Indonesia.

Namun begitu, sehingga kini, Indonesia tidak pernah mengeksport ayam ke Singapura walaupun negara itu mempunyai lebih bekalan ayam.

Dalam keadaan biasa, negara itu mampu mengeluarkan kira-kira 280 hingga 300 juta ayam hidup sebulan.

Pengalisan dari Institut ISEAS-Yusuf Ishak, Siwage Dharma Negara dan Peh Ko Hsu berpandangan dalam jangka masa panjang, Indonesia hanya mampu bersaing sekiranya dapat mencari jalan untuk mengeksport bekalan ayam hidup ke Singapura.


Malaysia menghentikan eksport ayam ke Singapura sejak 1 Jun lalu berikutan kenaikan harga domestik dan bekalan terhad.

Sekatan itu hanya bersifat sementara, sebagai tindak balas kepada pengeluaran ayam lebih rendah yang menjejaskan harga dan bekalan.

Larangan itu memberi implikasi besar kepada Singapura, yang merupakan pasaran utama Malaysia untuk eksport ayam.

Singapura amat bergantung pada makanan import, malah, kira-kira 34 peratus import ayam republik itu adalah dari Malaysia, 49 peratus dari Brazil dan 12 peratus dari Amerika Syarikat (AS).

Hampir kesemuanya diimport dalam bentuk ayam hidup yang disembelih dan disujukkan di Singapura, tidak seperti import beku daripada dua pem-



PENDUDUK membeli ayam dari sebuah gerai di pasar Bukit Merah View, Singapura. - CNA

bekal utama lain.

PERMINTAAN LESEN EKSPORT

Indonesia tidak mempunyai akses untuk membekalkan ayam ke Singapura sejak bertahun-tahun lalu.

Bekalan ayam hidup dari Malaysia adalah lebih mudah dan murah memandangkan boleh dibawa menerusi laluan darat.

Penghantaran menerusi laluan laut dari pulau berdekatan di Indonesia pula hanya menambah kos bagi jumlah ayam diimport dengan cara sedemikian.

Pada 30 Jun lalu, Agensi Makanan Singapura (SFA) meluluskan import daging ayam beku, sejuk dan diproses dari Indonesia.

Ia akan mengambil masa sebelum Indonesia menjadi pengeksport daging ayam yang kompetitif bagi Singapura.

Pada masa ini, hanya tiga syarikat mendapat kelulusan daripada SFA iaitu Charoen Pok-

“Indonesia berdepan cabaran terutamanya memikirkan cara mengeksport ayam hidup ke Singapura melalui laluan laut yang menambahkan kos.”

PENGALISIS

phand Indonesia-Bahagian Makanan, Ciomas Adisatwa-Plant Pemalang dan Charoen Pokphand Indonesia (CPIN).

Charoen Pokphand Indonesia dan Ciomas Adisatwa memperoleh kelulusan mengeksport daging ayam sejuk beku dan kepingan ayam, manakala CPIN mendapat lesen untuk mengek-

sport daging ayam yang diproses.

Menurut Pengarah Pemprosesan dan Pemasaran Hasil Ternakan di bawah Kementerian Pertanian Indonesia, sekurang-kurangnya 10 lagi syarikat besar dalam proses menerima lesen eksport.

Bagi republik ini, langkah menambah Indonesia dalam senarai pembekal daging ayam dilihat akan meningkatkan daya tahan sektor makanan negara itu.

Untuk Indonesia pula, manfaat itu mungkin melangkaui pasaran Singapura dan membuka peluang eksport ke pasaran Asia Tenggara lain termasuk Brunei dan Malaysia.

RISIKO EKSPORT BEKALAN AYAM HIDUP

Indonesia berdepan cabaran terutamanya memikirkan cara untuk mengeksport ayam hidup ke Singapura melalui laluan laut.

Terdapat risiko tinggi seba-

gian besar setiap penghantaran boleh hilang akibat kematian atau kecederaan ternakan ketika perjalanan dari pusat pengeluaran di pulau Jawa, Indonesia ke Singapura.

Sekiranya penduduk Singapura mendapati bekalan ayam Indonesia mempunyai kualiti sama dan harga berpatutan berbanding Malaysia, maka negara itu berkemungkinan meneruskan import dari Indonesia.

Bagaimanapun, Indonesia akan menghadapi persaingan sengit dengan Malaysia dan Thailand dalam pasaran ayam dan itik.

Apabila Malaysia menarik balik sekatan eksport ayam sepe- nuhnya, Singapura akan terus bergantung kepada Malaysia untuk bekalan ayam hidup.

Dalam jangka masa panjang, Indonesia hanya mampu bersaing dalam pasaran eksport ayam sekiranya boleh mengeksportnya dalam bentuk ayam hidup ke Singapura. - AGENSI

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10.08.2022	HARIAN METRO	LOKAL	16

Projek lembu tenusu di Perlis tingkat SSL negara

Kuala Lumpur: Pembangunan Projek Lembu Tenusu berskala besar di Chuping, Perlis dijangka mewujudkan 2,000 peluang pekerjaan kepada Keluarga Malaysia dan bakal menggalakkan pembangunan industri penghasilan susu segar domestik.

Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, projek itu juga me-

ningkatkan tahap sara diri (SSL) negara dalam mengeluarkan susu cecair dan segar, sekali gus mengurangkan defisit perdagangan makanan negara serta tekan kos produk tenusu.

"Pembangunan projek ini membabitkan pelaburan sehingga RM4.5 bilion merangkumi penanaman makanan ternakan lembu tenusu, penghasilan dan pem-

prosesan susu segar, operasi pembungkusan serta pengedaran produk tenusu," katanya menerusi catatan di Facebook rasmi beliau, semalam.

Perdana Menteri berkata, beliau menyaksikan pementrian Perjanjian Usaha sama (JVA) antara FGV Holdings Bhd, Baladna Food Industries W.L.L dan Touch Group Holdings Sdn Bhd ba-

gi projek itu selepas merasmikan Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (Maha) 2022, Sabtu lalu.

Ismail Sabri berkata, komitmen Malaysia untuk merealisasikan pembangunan projek ladang tenusu integrasi di negara ini adalah susulan daripada lawatan beliau ke Qatar pada Mac lalu. - Bernama

Bernama

PERATURAN SEKAT EKSPORT AYAM

Kuala Lumpur

Kerajaan belum membuat keputusan untuk mengubah sebarang peraturan berkenaan sekatan eksport ayam yang diumumkan pada 1 Jun lalu.

Pengerusi Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi Tan Sri Annuar Musa berkata, dasar harga ayam ketika ini adalah kekal untuk memastikan harga ayam rendah dan keutamaan bekalan kepada rakyat tempatan kerana ia adalah barangan keperluan bagi setiap keluarga di negara ini.

"Kita dapat banyak pandangan dan pemakluman awal kononnya terdapat lebih bekalan ayam dan ada pengharapan dizahirkan kepada jawatankuasa untuk memohon kebenaran mengeksport ayam ke luar negara.

"Saya nak jelaskan mekanisme mengawal tahap kedudukan bekalan tidak boleh dibuat secara bolak-balik. Kita perlukan masa untuk memastikan semua bekalan ayam dalam negara serta barangan lain, mesti terkawal.

"Adalah penting jawatankuasa dapat pantau secara menyeluruh keseluruhan rantaian bekalan yang berkaitan dengan bekalan

ayam, sama ada bekalan ayam yang mula dibenarkan masuk, ayam yang mula ditenak dan ayam yang dikeluarkan dan kita akan lihat sejauh mana dakwaan menyatakan bekalan sekarang adalah berlebihan," katanya dalam sidang media selepas mesyuarat jawatankuasa itu di bangunan Parlimen semalam.

Annuar berkata, kerajaan menyedari faktor penurunan harga adalah berasaskan kepada bekalan yang cukup dan lebih daripada mencukupi, namun beliau khuatir terdapat pihak yang mengambil peluang mengeksport ayam disebabkan harga bekalan itu yang mahal di negara lain sehingga menje-

jakan harga bekalan tempatan.

Annuar berkata, jawatankuasa turut membincangkan penemuan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) mengenai lima syarikat berkaitan bekalan ayam yang dikesan melanggar Seksyen 4 Akta Persaingan 2010 dengan terbabit perjanjian antipersaingan atau lebih dikenali sebagai perjanjian kartel.

Beliau berkata, memandangkan penemuan MyCC itu adalah siasatan awal, lima perusahaan itu kini mempunyai peluang menge-

mukakan representasi dalam tempoh 30 hari daripada tarikh keputusan cadangan itu disampaikan kepada mereka.

"Kita ingin ingatkan pengusaha tidak mengamalkan sebarang tindakan yang melibatkan pakatan untuk menetapkan harga dan melanggar peraturan persaingan bebas kerana ia boleh jejakkan harga kerana dikawal oleh satu kelompok peniaga yang menguasai pasaran dan itu tidak dibenarkan oleh undang-undang negara kita," katanya.

"Banyak pandangan kononnya terdapat lebih bekalan ayam"
Annuar



WUJUD dakwaan bekalan ayam melebihi permintaan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10.08.2022	BERITA HARIAN	NASIONAL	7

FELCRA laksana projek mega ternak ayam RM60j

Usaha bantu tambah bekalan di pasaran, tingkat peluang kerja peserta agensi

Oleh Asrol Awang
bnews@bh.com.my

Rompin: FELCRA Berhad mengorak langkah dalam aktiviti perniagaannya dengan melaksanakan projek mega ternakan ayam sistem tertutup bernilai RM60 juta.

Projek yang dilaksanakan di Kampung Tanjung Seratus, Rompin, adalah sebahagian inisiatif FELCRA dalam menyokong Dasar Jaminan Keselamatan Makanan Negara.

Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Mahdzir Khalid, berkata kementeriaannya menyalurkan peruntukan projek itu menerusi Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12).

Katanya, kebenaran merancang projek itu dimohon kepada Majlis Daerah Rompin (MDR) dengan tatacara atau peraturan yang ditetapkan oleh MDR.

"Oleh itu, saya fikir MDR dan kerajaan negeri tidak ada ma-

salah untuk meluluskan kerana apa yang dimohon sudah mengikut prosedur ditetapkan.

"Projek ini akan membantu menambah bekalan ayam di pasaran dalam negara, selain membuka peluang pekerjaan kepada peserta FELCRA," katanya dalam satu kenyataan.

Terdahulu, beliau melakukan lawatan kerja ke tapak Kompleks Ladang Ayam Pedaging Sistem Tertutup FELCRA Berhad di Tanjung Seratus, di sini, semalam.

Turut hadir, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB), Datuk Ramlan Harun; Pengerusi FELCRA, Datuk Ahmad Jazlan Yaakub dan Ketua Pegawai Eksekutif FELCRA, Datuk Mat Roni Zakaria.

Pelan transformasi FELCRA

Mahdzir berkata, projek itu adalah sebahagian daripada Pelan Transformasi FELCRA 2.0 untuk memperkembangkan bidang perniagaannya dan tidak hanya bergantung kepada sektor perladangan kelapa sawit semata-mata.

Katanya, pembinaan kompleks ternakan ayam di atas tanah seluas 20 hektar itu mula dibina bulan ini dan dijangka siap pada Januari 2023.

"Ia dijangka mampu membekalkan sebanyak 600,000 ayam bagi satu pusingan 35 hari atau 3.6



Mahdzir mendengar penerangan Ahmad Jazlan (dua dari kanan) ketika melihat replika Kompleks Ladang Ayam Pedaging Sistem Tertutup FELCRA Berhad di Tanjung Seratus, Rompin, semalam. (Foto BERNAMA)

juta ayam pada tahun pertama operasinya.

"FELCRA menjangkakan dalam setahun dapat sebanyak enam kali pusingan dan ini adalah permulaan (projek) dan pihak FELCRA sudah membuat engagement dengan pihak yang ada kepakaran dan teknologi selain FELCRA juga ada pegawai dalam bidang itu (penternakan ayam)," katanya.

Perlu 62.9 juta ayam sebulan

Beliau berkata, ketika ini, keper-

luan ayam dalam negara adalah berjumlah 2.09 juta ayam sehari atau 62.9 juta ayam sebulan.

Katanya, berbanding pengeluaran semasa ayam sebanyak 1.6 juta ekor sehari, iaitu kekurangan kira-kira 409,000 ayam sehari.

"Ini adalah sebahagian daripada program dalam FELCRA yang saya jangka FELCRA juga akan mengadakan kawasan ataupun tapak di negeri lain pula selepas ini untuk menambah jumlah bilangan ayam," katanya.

Industri
tenusu sedia
2,000
peluang kerja

Kuala Lumpur: Projek Lembu Tenusu berskala besar di Chuping, Perlis dijangka mewujudkan 2,000 peluang pekerjaan dan menggalakkan pembangunan industri penghasilan susu segar domestik.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata projek itu juga meningkatkan tahap sara diri negara dalam mengeluarkan susu cecair dan segar, sekali gus mengurangkan defisit perdagangan makanan negara serta tekanan kos produk tenusu.

"Pembangunan projek ini membabitkan pelaburan sehingga RM4.5 bilion merangkumi penanaman makanan ternakan lembu tenusu, penghasilan dan pemprosesan susu segar, operasi pembungkusan serta pengedaran produk tenusu," katanya menerusi catatan di Facebook, semalam.

Perdana menteri berkata, beliau menyaksikan pemeteraian Perjanjian Usahasama di antara FGV Holdings Bhd, Baladna Food Industries WLL dan Touch Group Holdings Sdn Bhd, bagi projek itu selepas merasmikan Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2022, Sabtu lalu.

Ismail Sabri berkata, komitmen Malaysia untuk merealisasikan pembangunan projek ladang tenusu integrasi di negara ini susulan daripada lawatan beliau ke Qatar pada Mac lalu.

BERNAMA